



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN
KELULUSAN DI BAWAH PERENGGAN 17(1) JADUAL 2,
AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976**

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini menerangkan prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah perenggan 17(1) Jadual 2, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Kelulusan di bawah perenggan ini memberi maksud bahawa tiada cukai yang boleh dikenakan ke atas pelupus atau likuidator kerana aset yang dilupuskan dianggap tidak memberi keuntungan atau kerugian kepada pelupus atau likuidator itu.

2. PELUPUS YANG LAYAK MEMOHON

- 2.1 Pelupus yang layak memohon adalah syarikat atau likuidator syarikat dan tertakluk kepada kriteria-kriteria kelulusan yang telah ditetapkan.
- 2.2 "Syarikat" bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah sesuatu kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah luar Malaysia.
- 2.3 "Kumpulan orang" bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (yang bukan syarikat) termasuklah keluarga sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.

3. KRITERIA AM UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN DI BAWAH PERENGGAN 17(1)

- 3.1 Pelupus atau likuidator hendaklah mengemukakan permohonan dan memperoleh kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri sebelum sesuatu aset itu dilupuskan.
- 3.2 Sesuatu aset yang telah dijual, dipindahhak, dipindahmilik, diserahkan, diselesaikan atau diberimilik sama ada melalui perjanjian atau melalui kuat kuasa undang-undang termasuk dalam maksud telah dilupuskan.

- 3.3 Pemereoleh aset hendaklah merupakan suatu syarikat yang telah ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

4. KRITERIA KHUSUS UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN DI BAWAH PERENGGAN 17(1)(a)

- 4.1 Aset dilupuskan di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama.
- 4.2 Suatu syarikat induk dan semua syarikat subsidiarinya adalah merupakan syarikat dalam kumpulan yang sama. Suatu syarikat subsidiari dengan syarikat subsidiari yang lain yang dimiliki oleh syarikat induk yang sama juga merupakan syarikat dalam kumpulan yang sama.
- 4.3 Tujuan pelupusan aset adalah untuk menambahkan kecekapan dalam operasi syarikat.
- 4.4 Balasan bagi pelupusan hendaklah keseluruhannya dalam bentuk saham syarikat pemeroleh. Amaun balasan boleh juga terdiri daripada sekurang-kurangnya 75% dalam bentuk saham syarikat pemeroleh dan bakinya dalam bentuk wang.

5. KRITERIA KHUSUS UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN DI BAWAH PERENGGAN 17(1)(b)

- 5.1 Aset dilupuskan di antara mana-mana syarikat.
- 5.2 Pelupusan aset adalah menurut apa-apa skim penubuhan semula, penyusunan semula atau percantuman syarikat di mana syarikat pemeroleh yang disusun semula di bawah skim itu adalah untuk tujuan mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.

6. KRITERIA KHUSUS UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN DI BAWAH PERENGGAN 17(1)(c)

- 6.1 Aset dibahagikan oleh likuidator syarikat.
- 6.2 Likuidasi syarikat dan pembahagian aset dibuat di bawah skim penubuhan semula, penyusunan semula atau percantuman syarikat di mana syarikat pemeroleh yang disusun semula di bawah skim itu adalah untuk tujuan mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.

7. MAKLUMAT DAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 7.1 Nama pelupus atau likuidator dan pemeroleh serta jenis perniagaan pelupus dan pemeroleh.
- 7.2 Struktur organisasi syarikat sebelum dan selepas penstrukturan semula, di mana berkenaan.
- 7.3 Butiran lengkap aset yang dilupuskan (termasuklah butiran tarikh dan harga pemerolehan aset).
- 7.4 Harga pelupusan dan asas penentuan harga pelupusan.
- 7.5 Butiran balasan bagi pelupusan (sama ada dalam bentuk wang atau saham). Jika dalam bentuk saham, nyatakan harga seunit saham.
- 7.6 Sesalanan akaun beraudit terakhir yang berkenaan bagi syarikat pelupus dan syarikat pemeroleh.
- 7.7 Sesalanan Resolusi Pengarah berkaitan dengan pelupusan aset.
- 7.8 Sesalanan draf Perjanjian Jual Beli berkaitan dengan pelupusan aset.

- 7.9 Bukti yang menunjukkan bahawa syarikat pelupus dan pemeroleh adalah syarikat dalam kumpulan yang sama, di mana berkenaan.
- 7.10 Penjelasan terperinci yang menerangkan bagaimana pelupusan aset itu dapat menghasilkan penambahan kecekapan dalam operasi syarikat, di mana berkenaan.
- 7.11 Khusus bagi permohonan kelulusan di bawah perenggan 17(1)(b) dan 17(1)(c), kemukakan sesalinan surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan / atau Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) (mana-mana yang berkenaan) berhubung penubuhan semula, penstrukturan semula atau percantuman syarikat.

8. KEGAGALAN DALAM PEMATUHAN

Ketua Pengarah berhak menarik balik kelulusan bagi sesuatu pelupusan yang telah diberikan di bawah perenggan 17(1) dalam tempoh tiga tahun selepas kelulusan itu diberikan dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) pelupusan itu dibuat kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud selain daripada apa yang ditetapkan di bawah perenggan 17(1). Antaranya –
 - a) Pindah milik aset bagi tujuan mendapatkan kemudahan pinjaman/ pembiayaan atau mengekalkan kredibiliti syarikat pemeroleh.
 - b) Pindah milik aset bagi tujuan mengekalkan sesuatu syarat yang ditetapkan kepada syarikat pemeroleh seperti mengekalkan status insentif / galakan yang sedang dinikmati.
- (ii) bagi kelulusan di bawah perenggan 17(1)(a), syarikat pemeroleh tidak lagi berada dalam kumpulan syarikat yang sama dengan syarikat pelupus.
- (iii) syarikat pemeroleh itu tidak lagi bermastautin di Malaysia.

9. KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PENYATA

Pelupus atau likuidator syarikat tidak dilepaskan daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan penyata atau maklumat lain berhubung kelulusan yang diberikan di bawah perenggan 17(1). Borang Nyata CKHT hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pelupusan.

10. PENGEMUKAAN PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui surat dengan disertakan dokumen-dokumen lengkap yang berkaitan terus kepada alamat berikut:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Menara Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya, Selangor

11. PEMAKAIAN

Garis panduan ini menggantikan garis panduan permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah perenggan 17(1) Jadual 2, ACKHT bertarikh 8 Januari 2015.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

11 NOVEMBER 2024

s.k: LHDN.01/35/(S)/42/23/12